



KEMENTERIAN KERJA RAYA

KENYATAAN MEDIA

DUA (2) BUAH FASILITI PENDIDIKAN DINAIK TARAF MENGGANTIKAN DUA SEKOLAH YANG TELAH USANG MELALUI PENAMBAHAN BANGUNAN SEKOLAH

LUNDU, SARAWAK - Hari ini telah berlangsung sesi penyerahan dua (2) buah projek milik Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang telah berjaya disiapkan oleh Pasukan Projek Khas 2, Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR) selaku agensi pelaksana. YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat merangkap Ahli Parlimen Santubong, YBhg. Dato' Seri Azman bin Ibrahim, Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya (KKR) dan YBhg. Datuk Masyati Binti Abang Ibrahim, Setiausaha Bahagian Pembangunan KPM turut menyaksikan penyerahan ini bersama – sama Pengurusan Tertinggi dari kedua-dua Kementerian.

2. Projek pertama yang diserahkan adalah projek pembinaan gantian 12 bilik darjah dan lain-lain kemudahan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Lundu, Lundu Sarawak menggantikan bangunan asal yang telah uzur. Projek ini telah dimulakan pembinaannya pada 25 April 2022 dan Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC) telah dikeluarkan pada 5 September 2024.

3. Bangunan asal SMK Lundu mempunyai nilai sejarah tersendiri di mana ia telah dibina pada tahun 1965 dan dirasmikan oleh Almarhum Tun Datuk Abang Openg bin Abang Sapiee, Yang di-Pertua Negeri Sarawak yang pertama pada tahun 1966. Bermula dengan pelajar hanya seramai 70 pelajar, SMK Lundu kini mempunyai hampir 2,000 pelajar dan sudah pasti memerlukan lebih banyak kemudahan. Lantaran itu, kerja menaik taraf sekolah ini telah dilaksanakan selari dengan aspirasi KPM untuk menyediakan ekosistem pembelajaran yang lebih kondusif dan selesa kepada guru-guru dan murid-murid.

4. Penaik tarafan sekolah ini amat penting kerana SMK Lundu menerima permohonan kemasukan murid yang kian meningkat dari setahun ke setahun disebabkan pembangunan yang rancak di sekitarnya dengan kemunculan kawasan perumahan dan penempatan baharu. Sebuah bangunan baharu justeru perlu dibina bagi menampung pertambahan enrolmen murid yang datang daripada 14 buah *feeder schools*.

5. Unit Perancang Ekonomi (UPE), Jabatan Perdana Menteri telah meluluskan pelaksanaan projek ini dalam RMK-11 (RP-4) pada tahun 2019 dengan kos bernilai RM24 juta. Penggunaan teknologi Sistem Binaan Berindustri atau IBS telah digunakan dalam skop pembinaan projek ini dan ianya melibatkan komponen rasuk tanah, rasuk bumbung dan komponen lantai.

6. Secara ringkasnya, skop projek SMK Lundu ini melibatkan sebuah blok akademik merangkumi pejabat am, bilik guru kanan mata pelajaran, bilik guru, dua belas (12) unit bilik darjah, makmal komputer, bengkel, tandas guru, tandas murid, tandas oku, bilik server, bilik utiliti, bilik stor, bilik persediaan dan bilik peralatan bahan. Selain itu, skop kemudahan-kemudahan lain turut dibina dalam projek ini seperti gelanggang gunasama (badminton, sepak takraw, dan bola tampar), gelanggang bola keranjang, gelanggang bola jaring, skop kerja luar bangunan seperti kerja tanah dan pelan kawalan hakisan dan kelodak, sistem saliran, rangkaian jalan dalaman, sistem retikulasi air serta sistem pembentungan.

7. Projek kedua yang berjaya diserahkan pada hari ini ialah Projek Pembinaan Bangunan Tambahan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Padawan, Padawan, Sarawak. Projek ini telah dimulakan pembinaan pada 17 Mac 2022 dan telah siap sepenuhnya pada 4 Oktober 2024. Kos Kontrak semasa projek ini adalah RM12.2 juta.

8. SMK Padawan telah ditubuhkan pada tahun 1983 di tapak sementara Sekolah Rendah Bantuan (SRB) St. Michael. Pada tahun 1986, pembinaan bangunan di atas tapak sekarang telah dilaksanakan dengan mengguna pakai sistem persekolahan dua sesi disebabkan jumlah pelajar yang kian bertambah.

9. Sehubungan itu, Unit Perancang Ekonomi (UPE), Jabatan Perdana Menteri (JPM) telah meluluskan projek bagi pembinaan bangunan tambahan dan lain-lain kemudahan dalam Rolling Plan 4 (RP4), Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11). Hasil daripada pertambahan fasiliti sekolah ini, kapasiti pengambilan pelajar telah meningkat daripada 179 pelajar kepada 803 pelajar manakala jumlah tenaga pengajar dan kakitangan meningkat daripada 17 orang kepada 64 orang.

10. Kejayaan menaik taraf prasana bilik darjah ini mampu meningkatkan tahap keselesaan dan keselamatan kepada guru dan pelajar sekolah ini bagi menyokong ekosistem pembelajaran yang lebih selesa dan kondusif. Langkah ini juga sebagai persediaan bagi memenuhi keperluan kemasukan pelajar yang semakin meningkat kian



KEMENTERIAN KERJA RAYA

KENYATAAN MEDIA

tahun.

11. Projek ini turut mengaplikasikan teknologi IBS dalam pelaksanaannya. Elemen IBS yang digunakan untuk projek ini ialah komponen rasuk, tiang, lantai dan kerangka bumbung. Skop utama bagi projek ini adalah membina sebuah blok tambahan dua (2) tingkat yang merangkumi sepuluh (10) bilik darjah, satu (1) makmal komputer, satu (1) makmal kimia, satu (1) makmal fizik, satu (1) makmal biologi, satu (1) makmal sains, bilik persalinan, tandas murid, tandas guru, stor am dan ruang serbaguna terbuka.

12. KKR ingin merakamkan penghargaan kepada KPM, Pengurusan dan Guru-guru di atas kepercayaan serta kerjasama yang telah diberikan kepada pihak Pasukan Projek Khas 2 JKR, khususnya dalam penyeliaan di tapak sehingga projek ini dapat disiapkan dengan jayanya. Segala pengalaman dan pengajaran (*experience and lesson learned*) yang amat berguna untuk dijadikan panduan dalam pelaksanaan projek-projek sebegini di masa hadapan ke arah pengurusan projek yang terbaik dari konteks kualiti, kos dan masa.

13. KKR turut menyeru kepada pihak kontraktor untuk terus melaksanakan tanggungjawab dalam tempoh tanggungan kecacatan (DLP) di mana pihak JKR akan terus memantau proses-proses pasca penyerahan bangunan supaya tiada perkara yang tertangguh dan dilaksanakan mengikut peraturan yang berkuatkuasa.

#TAMAT#

DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI

MENTERI KERJA RAYA

16 NOVEMBER 2024